

21/06/2003

Hapuskan sindrom 'lewat, lengah' projek

KUALA LUMPUR: Kerajaan diminta menghapuskan 'sindrom melewati dan melengah' pelaksanaan projek ekonomi dan pembangunan bagi memastikan kesejahteraan rakyat, sekali gus membantu Umno memenangi pilihan raya.

Wakil Wanita, Raja Ropiah Raja Abdullah, ketika membentangkan usul ekonomi, berkata tindakan melengah-lengahkan pelaksanaan keputusan yang sudah dibuat akan memberi kesan negatif, terutama menjelang pilihan raya umum akan datang.

Beliau berkata, antaranya ialah dengan melaksanakan segera Pakej Strategi Baru bernilai RM7.3 bilion yang diumumkan baru-baru ini kerana kelewatan boleh membantutkan usaha menggerakkan ekonomi negara.

Katanya, pakej ekonomi itu dirancang dengan baik dan bagi kepentingan setiap lapisan masyarakat dan ia harus dilaksanakan sebaik mungkin, bukan

tertanggung yang antara lain kerana kerenah birokrasi.

"Kita mesti ingat, pilihan raya semakin hampir. Janji-janji yang kita buat mesti ditunai. Kadang-kala rungutan rakyat terdengar apabila terlalu

banyak pengumuman dibuat di peringkat pusat tetapi pelaksanaannya lewat.

"Yang menanggung derita rungutan itu adalah wakil rakyat dan pemimpin masyarakat. Semua pihak harus serius untuk menjayakan pakej ini," katanya.

Raja Ropiah yang juga Ketua Wanita Umno Bahagian Petaling Jaya Utara berkata, pakej itu mampu untuk mengekang kesan negatif berikutan perang Iraq dan Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS).

Katanya, skim kredit makro yang diperkenalkan melalui pakej itu mampu mengatasi masalah pinjaman along dan menerima sambutan baik, sehingga beberapa bank seperti Bank Pertanian Malaysia dan Bank Simpanan Nasional menerima banyak permohonan.

"Skim ini turut memberi nafas baru kepada usahawan wanita kerana berpeluang mendapat pinjaman melalui peruntukan RM800 juta," katanya.

Raja Ropiah berkata, Wanita Umno berterima kasih kepada Perdana Menteri

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana membawa perubahan ketara kepada ekonomi dan berjaya menerapkan budaya niaga yang unggul sehingga mampu melahirkan enam anak Melayu di antara 20 nama yang terkaya di Malaysia.

Katanya, ia adalah hasil perancangan dan dasar Dr Mahathir untuk meningkatkan ekonomi orang Melayu dengan pandangan jauh serta keikhlasannya untuk melihat usahawan Melayu berjaya.